



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

MALAYSIA MARITIME WEEK 2026 BAKAL MENGHIMPUNKAN PEMIMPIN MARITIM DUNIA, MEMPERKUKUH KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB MARITIM DAN LOGISTIK SERANTAU

UNTUK SIARAN SEGERA

PUTRAJAYA, 10 Ogos, 2026– Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) akan menganjurkan *Malaysia Maritime Week 2026 (MMW2026)* pada 28 September hingga 2 Oktober 2026 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dengan kerjasama strategik *Malaysia International Shipping Corporation (MISC)* dan Persatuan Pemilik-Pemilik Kapal Malaysia (MASA). Program ini dijangka menjadi platform maritim utama negara yang menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri, organisasi antarabangsa, institusi kewangan, ahli akademik serta pemain industri maritim dari dalam dan luar negara.

Bertemakan “*From Ambition to Action: Powering Maritime Excellence*”, MMW2026 mencerminkan komitmen Malaysia dalam menterjemahkan aspirasi dan dasar pembangunan maritim kepada tindakan yang nyata melalui pengukuhan kerjasama strategik, pemerkasaan inovasi serta pembangunan sektor maritim yang lebih mampan, berdaya tahan dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi Malaysia untuk memperkukuh kedudukannya sebagai negara maritim yang progresif dan hab logistik serantau. Tema ini turut selaras dengan sambutan *World Maritime Day 2026* yang menekankan kepentingan tindakan kolektif dalam menangani cabaran global termasuk peralihan tenaga, penyahkarbonan industri perkapalan, keselamatan rantai bekalan dan pembangunan bakat maritim.

Sebagai platform diplomasi ekonomi dan maritim negara, MMW2026 akan memperkukuh jaringan kerjasama antara kerajaan, industri dan organisasi antarabangsa dalam menangani cabaran serta merebut peluang baharu sektor maritim global. Program ini turut menyokong penglibatan aktif Malaysia dalam agenda *International Maritime Organization (IMO)* dan dijangka meningkatkan keterlihatan negara sebagai sebuah negara maritim yang progresif serta hab maritim dan logistik yang berdaya saing di rantau Asia Pasifik.

MMW2026 dijangka menghimpunkan lebih 1,000 peserta dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada menteri, pembuat dasar, pengawal selia, organisasi antarabangsa, institusi kewangan, syarikat perkapalan, pengendali pelabuhan, akademik, persatuan industri dan profesional maritim bagi membincangkan dasar, cabaran serta penyelesaian strategik yang akan membentuk masa depan industri maritim global.

Sepanjang lima hari penganjuran, MMW2026 akan menampilkan pelbagai program utama termasuk *Strategic Roundtable Forum*, *Maritime Financing Engagement*, *Majlis Perasmian*, *Opening Plenary*, *Leadership Dialogue*, empat trek persidangan iaitu *Decarbonisation*, *Port and Logistics*, *Safety and Security* serta *Education and Talent*, *ALAM Maritime Open Day*, *Malaysia Maritime Icon Award* dan Pameran Industri yang dijangka menampilkan sehingga 80 reruai pameran daripada agensi kerajaan, syarikat swasta serta pemain industri maritim tempatan dan antarabangsa.

Penganjuran MMW2026 dijangka menjadi edisi paling komprehensif sejak ia diperkenalkan pada tahun 2014 menerusi pendekatan yang menggabungkan program utama di KLCC serta beberapa program satelit yang dilaksanakan secara serentak. Pendekatan ini akan memperluas penyertaan dan kerjasama dalam kalangan kerajaan, industri, institusi kewangan, akademik serta generasi pelapis sektor maritim, sekali gus memperkukuh keseluruhan ekosistem maritim negara.

Melalui penganjuran MMW2026, Malaysia berhasrat untuk memperkukuh kerjasama strategik dengan rakan antarabangsa, merangsang pelaburan baharu, mempercepat pelaksanaan agenda penyahkarbonan dan pendigitalan sektor maritim, memperkukuh pembangunan modal insan serta mengukuhkan kedudukan negara sebagai hab maritim dan logistik yang berdaya saing di rantau Asia Pasifik.

Maklumat lanjut mengenai atur cara persidangan, pendaftaran peserta, senarai penceramah serta perkembangan terkini MMW2026 akan diumumkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia dari semasa ke semasa melalui saluran komunikasi rasmi kementerian.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
10 OGOS, 2026

- TAMAT -

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media**Kementerian Pengangkutan Malaysia****Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail unitkomunikasikorporat@mot.gov.my